Ucapan . ADHO
595
214/80

594 - 213/80

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI

PELAJARAN, KETIKA MERESMIKAN PESTA

RIA KEBAJIKAN 73 ANJURAN PERSATUAN

MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA, DI KAMPUS

UNIVERSITI MALAYA PADA 28HB JUN, 1973

JAM 4.00 PETANG

---

1. SAYA SUKA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA PUSAT KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT DAN MEMBERI KEHORMATAN KEPADA SAYA MERASMIKAN PESTA RIA KEBAJIKAN 73. PESTA RIA YANG DIADAKAN TIAP-TIAP TAHUN INI DIANJURKAN OLEH PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA. PESTA RIA TAHUN INI SANGATLAH BERTUAH KERANA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGUNG, CANSELOR UNIVERSITI INI TELAH BERKENAN

...2

MENJADI PENAUNGNYA. TUJUAN UTAMA PESTA RIA INI IALAH MEMUNGUT DERMA UNTUK TABUNG PINJAMAN MAHASISWA DAN MEMBERI BANTUAN KEPADA BADAN-BADAN AMAL DI NEGARA INI YANG MEMERLUKAN BANTUAN. PESTA RIA INI AKAN BERLANGSUNG SELAMA 4 HARI DAN ADALAH DIJANGKAKAN SERAMAI LEBIH KURANG 100,000 ORANG AKAN MENYAKSIKANNYA. SAYA SUKALAH MENYERU KEPADA SEMUA TERUTAMA SEKALI ORANG RAMAI YANG TINGGAL DI KUALA LUMPUR,

PETALING JAYA DAN KELANG SUPAYA DATANG BERAMAI-RAMAI KE PESTA INI DAN MEMBERIKAN SOKONGAN MEREKA SEPENUHNYA.

2. NEGARA KITA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG MUDA, PROGRESSIF DAN MEMPUNYAI KEYAKINAN UNTUK MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MASA HADAPANNYA. SEKALIPUN MASYARAKAT KITA TERDIRI DARI BERBAGAI KAUM, NAMUN DEMIKIAN KITA TIDAK RAGU-RAGU TERHADAP KEBOLEHAN DAN KEAZAMAN KITA UNTUK MEWUJUDKAN SUATU BANGSA MALAYSIA YANG BERSATUPADU. KITA MEMPUNYAI KEPERCAYAAN DAN HARAPAN YANG BESAR KEPADA

...5

JENERASI MUDA NEGARA INI UNTUK MEMAINKAN PERANAN MEREKA BAGI MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DAN MEMBANGUNKAN NEGARA.

3. MATLAMAT TERAKHIR PENDIDIKAN

ADALAH MERUPAKAN KEBAHAGIAAN SESEORANG ITU DAN KEBAJIKAN MASYARAKATNYA. HASIL PENDIDIKAN IALAH MENGELUARKAN WARGANEGARA-WARGANEGARA YANG BERGUNA KEPADA MASYARAKATNYA. WARGANEGARA YANG AKAN DATANG ADALAH SEDANG DIBENTUK DISEKOLAH-SEKOLAH, MAKTAB-MAKTAB DAN UNIVERSITI-UNIVERSITI PADA HARI INI. KESEMUA YAYASAN-YAYASAN PELAJARAN INI MERUPAKAN BADAN-BADAN AMANAH NEGARA DAN ADALAH MENJADI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KITA

...7

BERSAMA UNTUK MENGHARGAI DAN MEMELIHARANYA.

4. PADA KETIKA INI, UNIVERSITI-UNIVERSITI KITA BOLEHLAH DIKATAKAN MASIH MUDA LAGI. SUPAYA UNIVERSITI-UNIVERSITI KITA MENDAPAT leboh KEYAKINAN ORANG RAMAI, MAKA UNIVERSITI-UNIVERSITI ITU BUKAN SAHAJA MESTI MENCAPAI MUTU PELAJARAN YANG PALING TINGGI TETAPI MESTILAH JUGA MEWUJUDKAN DAN MEMELIHARA BEBERAPA TRADISI YANG ~~MERUPAKAN~~ mengandungi SIFAT-SIFAT HORMAT-

MENGHORMATI, BERDISIPLIN DAN AMANAH. SIFAT-SIFAT TAAT-SETIA, SIKAP, TINGKAH-LAKU, BUDI-PEKERTI, SOPAN-SANTUN DAN SEHINGGAKAN PAKAIAN PELAJAR-PELAJAR DAN KAKITANGAN AKADEMIK PUN MENJADI FAKTUR-FAKTUR YANG PENTING UNTUK MENDAPATKAN KEYAKINAN ORANG RAMAI.

5. MASYARAKAT MENGHARAPKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI SUPAYA MENUNJUKKAN CONTOH TAULADAN YANG BAIK. TIDAKLAH ADA YAYASAN-YAYASAN PELAJARAN LAIN YANG LEBIH SESUAI LAGI SELAIN DARIPADA UNIVERSITI UNTUK MENGAMALKAN RUKUNEGARA. UNIVERSITI-UNIVERSITI KITA MENCERMINKAN SEBUAH

MASYARAKAT

KECIL BERBILANG KAUM DAN MEREKA MESTILAH MENUNJUKKAN CONTOH TAULADAN YANG TERBAIK DARI SEGI TOLERANSI DAN HORMAT-MENGHORMATI SERTA

...10

MEMAHAMI KEPERCAYAAN UGAMA SESEORANG ITU, PANDANGAN-PANDANGAN, ADAT RESAM DAN PERASAAN-PERASAAN SENSITIF MEREKA. PESTA RIA INI MERUPAKAN SUATU CONTOH YANG BAIK DI MANA USAHA DAN KERJASAMA DIANTARA ~~RAKYAT~~ BERBAGAI KAUM TELAH ~~DICAPAI~~ mencapai ~~UNTUK~~ TUJUAN YANG SAMA. PESTA RIA INI ADALAH DIANJURKAN OLEH PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA YANG MANA IANYA SENDIRI TERDIRI DARIPADA BERBAGAI KAUM.

6. SAYA SEORANG BEKAS TENTERA.

LATIHAN TENTERA YANG SAYA TERIMA TELAH MEMBERI SAYA BEBERAPA PANDUAN HIDUP YANG PENTING, DIANTARANYA, DAYA PIMPINAN (LEADERSHIP) DAN DISIPLIN. BANYAK PENGERTIAN TELAH DIBERI KEPADA ISTILLAH DAYA PIMPINAN INI. PENGERTIAN YANG SAYA TERIMA DAN MENJADI PEGANGAN SAYA IALAH :

...12

" KEUPAYAAN DAN KESANGGUPAN MEMIMPIN ~~ORANG~~ LELAKI dan PEREMPUAN ~~RAMAI~~ KE ARAH SATU TUJUAN YANG SAMA, DAN SIFAT YANG ~~MENIMBULKAN~~ MEMBERI KEYAKINAN. ~~MEREKA~~ ".

DAYA PIMPINAN MEMERLUKAN PERASAAN PENUH TANGGUNGJAWAB. DI DALAM AKADEMI TENTERA DI INDIA DI MANA SAYA TELAH DILATIH DALAM PERANG DUNIA YANG LALU TERDAPAT AYAT-AYAT BERIKUT DITULIS DI TEMBOK-TEMBOK DEWAN BESAR AKADEMI ITU YANG BERBUNYI :

KESELESAAN

" KESELAMATAN, KESENANGAN DAN KEBAJIKAN

ORANG2 didahulukan

ASKAR-ASKAR-DI BAWAH PERINTAH KAMU HENDAKLAH

setiap senantiasa dan dan

DIUTAMAKAN, SEPANJANG MASA. KESELAMATAN,

KESELESAAN SENDIRI

KESENANGAN DAN KEBAJIKAN KAMU HENDAKLAH

dibelakangkan, setiap dan sepanjang masa

DI KEMUDIANKAN SETIAP MASA ", setiap masa

PADA PANDANGAN SAYA, ASAS

DAYA PIMPINAN TENTERA BOLEH JUGA DOGUNAKAN

DI BIDANG-BIDANG LAIN TERUTAMA SEKALI DAYA

PIMPINAN POLITIK. SATU DARIPADA HALANGAN

mendapatkan pimpinan

BESAR UNTUK MENJADI SESEORANG PEMIMPIN POLITIK

YANG BAIK IALAH KEENGGANAN ~~MEREKA~~ YANG ~~BERKEBOLEHAN~~ MEMIKUL BEBAN ~~ORANG RAMAI.~~

7. TIORI DAN AMALAN ~~MENJADIKAN~~ PELAJARAN SESEORANG ~~ITU. SEMPURNA~~. PENGETAHUAN TIORI SAHAJA TANPA AMALAN TELAH MENJADI ~~PUNCA~~ PENDERITAAN DAN KEGAGALAN HIDUP MANUSIA. SEBALIKNYA PULA PENGALAMAN AMALAN BERKEHENDAKKAN PENGKAJIAN TIORI SEBAGAI SATU LATAR BELAKANG YANG BERGUNA KEPADA PENGALAMAN ITU.

FREDERICK THE GREAT, APABILA BERCAKAP KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI TENTERA YANG HANYA BERGANTONG KEPADA PENGALAMAN MEREKA DAN MENGENEPIKAN PELAJARAN, TELAH BERKATA BAHAWA BELIAU MEMPUNYAI DALAM PASUKAN TENTERANYA DUA EKOR KELDAI YANG TELAH MENEMPUH 40 PERJUANGAN TETAPI MASIH JUGA TINGGAL SEBAGAI KELDAI.

8. KITA SEMUA MENGHARGAI KEBEBASAN. INI TIDAK PULA BERMAKNA BAHAWA KITA BOLEH BUAT APA JUA YANG KITA SUKA DAN BERLAGAK MENGIKUT SEKEHENDAK HATI. SEBAGAI MANUSIA BIASA KITA ADALAH TERTAKLUK KEPADA RUKUN-RUKUN HIDUP, SAMADA KITA MAHU MENERIMANYA ATAU TIDAK. DISIPLIN UNTUK KEBAIKAN DIRI KITA SENDIRI DAN JUGA MASYARAKAT BERMULA DI RUMAH, DAN DITERUSKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH TETAPI TIDAK ~~PULA BERMAKNA~~ ~~MESTI~~ BERAKHIR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI.

YANG SEBENARNYA, DI UNIVERSITI LAH DISIPLIN PATUT DIPERKUATKAN LAGI BUKAN HANYA SEBAGAI SUATU CONTOH TAULADAN KEPADA ORANG LAIN TETAPI JUGA SEBAGAI SUATU PROSES YANG BERLANJUTAN BAGI PELAJARAN SESEORANG ITU. SAYA ~~BERASA~~ BIMBANG SAMADA SESEORANG PELAJAR YANG TIDAK BERDISIPLIN BOLEH MENJADI SEORANG YANG LEBIH BAIK ATAUPUN SEORANG PEMIMPIN YANG ~~BERKELIBAR,~~ BERKEBOLEHAN BEGITU JUGA HALNYA DENGAN SESEORANG ASKAR YANG

TIDAK BERDISIPLIN BOLEH MENJADI SEORANG JENERAL YANG BAIK.

9. KERAJAAN MALAYSIA SELAMA INI TELAH MEMANDANG BERAT TERHADAP KEKURANGAN AKAUNTAN-AKAUNTAN YANG BERKELAYAKAN PROFESSIONAL DALAM SEMUA SEKTOR EKONOMI NEGARA. WAKIL-WAKIL DARIPADA KEMENTERIAN PELAJARAN, PERBENDAHARAAN, KETUA AKAUNTAN, UNIVERSITI MALAYA, INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (THE MALAYSIAN

INSTITUTE OF ACCOUNTANTS) DAN "THE MALAYSIAN ASSOCIATION OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS" TELAH BEBERAPA LAMA MENGKAJI MASALAH TERSEBUT. BERIKUTAN DENGAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN ITU DAN UNTUK MENAMBAHKAN BILANGAN AKAUNTAN YANG BERKELAYAKAN PROFESSIONAL DI MALAYSIA, MAKA PIHAK UNIVERSITI MALAYA AKAN MENAWARKAN :-

...20

(A) SATU KURSUS SISWAZAH LANJUTAN DALAM PENGAJIAN ILMU PERAKAUNAN PERINGKAT PROFESSIONAL UNTUK SISWAZAH-SISWAZAH UNIVERSITI HINGGA MENDAPAT DIPLOMA PERAKAUNAN (DIPLOMA IN ACCOUNTING) DARI UNIVERSITI INI.

(B) SATU KURSUS PENGAJIAN PERAKAUNAN PERINGKAT PROFESSIONAL (PROFESSIONAL ACCOUNTING STUDIES) YANG BERLAINAN DAN KHAS UNTUK MEREKA YANG BUKAN SISWAZAH UNIVERSITI.

...22

SAYA TELAH MEMBUAT SUATU KENYATAAN AKHBAR BERASINGAN YANG LEBIH LENGKAP MENGENAI PENGAJIAN INI. DALAM PERINGKAT-PERINGKAT PERMULAAN RANCANGAN ITU, UNIVERSITI INI DIBANTU OLEH KERAJAAN CANADA DAN BANTUAN INI BERUPA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DI PERINGKAT FAKULTI DAN BANTUAN TEKNIK YANG LAIN. SAYA MENGAMBIL PELUANG INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN CANADA KERANA BANTUAN MEREKA.

...24

10. AKHIRNYA, IZINKAN SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATAN-KUASA PUSAT PESTA RIA KEBAJIKAN '73 DAN PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA KERANA MEMBERI SAYA KEHORMATAN MERASMIKAN PESTA INI. SAYA MENYERU SEKALI LAGI KEPADA ORANG RAMAI TERUTAMA YANG TINGGAL DI KUALA LUMPUR, PETALING JAYA DAN KELANG, SUPAYA DATANG BERAMAI-RAMAI KE PESTA INI DAN MEMBERI SOKONGAN YANG SEPENUH-NYA. SEKARANG SAYA DENGAN SEGALA SUKACITANYA

MERASMIKAN PEMBUKAAN PESTA RIA INI.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No. Siri 556
No. Penerimaan 201/80